



## SIARAN AKHBAR

### SEACEN COURSE

#### ON INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY (ICT) RISKS IN BANKS

Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

Isnin, 7hb Sya'aban 1439 bersamaan dengan 23hb April 2018

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) dengan kerjasama South East Asian Central Banks Research and Training Centre (SEACEN) telah menganjurkan *SEACEN Course on Information and Communication Technology (ICT) Risks in Banks* pada hari Isnin, 23 April hingga 27 April 2018 di The Rizqun International Hotel, Gadong.
2. Kursus 5 hari ini memberi tumpuan kepada pelbagai risiko ICT yang dihadapi oleh bank-bank dan institusi-institusi kewangan. Antara yang dibincangkan termasuk konsep dan mekanik dalam penilaian risiko ICT, kesan dari gangguan FinTech, ancaman siber dan keselamatan siber.
3. Kursus tersebut juga menyediakan rangka kerja untuk penilaian risiko ICT, termasuk prosedur dan tatacara yang bersesuaian bagi bank-bank dan institusi-insitusi kewangan, dan platform bagi para peserta untuk berbincang dan bertukar-tukar fikiran mengenai risiko ICT ini.
4. Kursus ini akan dihadiri oleh 42 orang peserta dari bank-bank pusat serantau dan antarabangsa, termasuk pegawai-pegawai dari AMBD.
5. SEACEN ditubuhkan pada tahun 1982 dengan mempunyai lapan ahli bank pusat /autoriti monetari dan telah berkembang kepada 20 ahli pada tahun 2014. Sejak penubuhannya, SEACEN telah melaksanakan program-program pembelajaran, kerja-kerja penyelidikan, dan platfom rangkaian dan kerjasama yang unik kepada rantau ini untuk membina keupayaan ahli-ahlinya dalam pengetahuan perbankan pusat.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Date: 7 Sya'aban 1439 / 23 April 2018

Ref: AMBD/SEACEN/2018